

BNM kekalkan OPR pada 3.25 peratus

KUALA LUMPUR – Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25 peratus semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) semalam.

Menurut kenyataan bank pusat itu, pada kadar semasa OPR, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.

MPC menyedari bahawa terdapat peningkatan risiko dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global.

“Risiko-risiko ini sedang dipantau dengan teliti bagi mengkaji implikasinya terhadap kestabilan makro ekonomi dan prospek ekonomi Malaysia.

“Ini bagi memastikan pendirian dasar monetari seiring dengan prospek pertumbuhan keseluruhan yang mampan,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut bank pusat, ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana.

“Pemulihan ekonomi di negara-negara maju utama kekal sederhana. Meskipun pertumbuhan telah menjadi perlahan di kebanyakan ekonomi Asia, rantau ini terus mencatat pertumbuhan yang positif dengan disokong oleh permintaan dalam negeri.

“Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa telah reda, namun pasaran akan terus mendapat kesan daripada peralihan mudah tunai global dan sentimen pelabur,” menurutnya. – Bernama